



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 14 NOVEMBER 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini, Malaysia mencatatkan bilangan kes pulih COVID-19 sebanyak **803 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah **33,772 kes** (73.1 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Pecahan kes yang sembuh adalah seperti berikut:

- Sabah (358 kes);
- Selangor (209 kes);
- Negeri Sembilan (71 kes);
- Wilayah Persekutuan Labuan (54 kes);
- Pulau Pinang (42 kes);
- Perak (42 kes).
- Sarawak (15 kes);
- Kedah (4 kes);
- Terengganu (4 kes);
- Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (3 kes); dan
- Melaka (1 kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Secara keseluruhannya, sehingga 14 November 2020 pukul 12:00 tengah hari, sebanyak **1,114 kes baharu** telah dilaporkan menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **46,209 kes**. Manakala, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 12,131 kes**.

Untuk makluman, negeri Sabah mencatatkan sebanyak 391 kes (35.1 peratus) daripada keseluruhan kes positif pada hari ini. Negeri Sembilan pula melaporkan sebanyak 371 kes (33.3 peratus) daripada keseluruhan kes positif harian, yang sebahagian besarnya adalah daripada Kluster Cergas iaitu sebanyak 363 kes (97.8 peratus). Negeri-negeri di Lembah Klang mencatatkan sebanyak 217 kes positif pada hari ini. Daripada jumlah ini, sebanyak 145 kes adalah daripada kluster-kluster (66.8 peratus).

Sebanyak 65 kes (5.8 peratus) yang dilaporkan adalah berkaitan kluster-kluster di penjara. Ini melibatkan Kluster Tembok (45 kes), Kluster Penjara Seberang Perai (14 kes), Kluster Penjara Sandakan (3 kes), Kluster Penjara Kepayan (2 kes) dan Kluster GK Tawau (1 kes).

Ingin dimaklumkan daripada 1,114 kes baharu pada hari ini, terdapat **dua (2) kes import** yang mendapat **jangkitan dari luar negara**. Dua (2) kes import tersebut melibatkan seorang warganegara dan seorang bukan warganegara yang tiba dari negara:

- Indonesia (1 kes di Selangor); dan
- Jordan (1 kes di Sarawak).

Perincian kes penularan COVID-19 dalam negara adalah seperti berikut:

- **Sabah: 391 kes**

- 95 kes daripada kluster-kluster, termasuk 12 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Istimewa** dan **Kluster Alila**;
- 183 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 113 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan: 371 kes**

- 367 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Selangor: 199 kes**

- 135 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 28 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 36 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perak: 53 kes**

- 49 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- Satu (1) kes *Severe Acute Respiratory Infections* (SARI); dan
- Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pulau Pinang: 34 kes**

- 26 kes daripada kluster-kluster, termasuk lapan (8) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Assumption** dan **Kluster Rajawali**;
- Empat (4) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan

- Empat (4) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 13 kes**
 - Enam (6) kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Lima (5) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Johor: 15 kes** daripada kluster sedia ada.
- **Kedah: 10 kes**
 - Sembilan (9) kes daripada kluster-kluster, termasuk satu (1) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Assumption**; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Labuan: Lapan (8) kes**
 - Enam (6) kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Melaka: Enam (6) kes** daripada kluster sedia ada.
- **Kelantan: Lima (5) kes**
 - Satu (1) kes daripada kluster sedia ada;
 - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Sarawak: Tiga (3) kes**
 - Dua (2) kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Empat (4) kes** daripada kluster sedia ada.

Sehingga kini, terdapat **103 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **43 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **dua (2) kes** kematian berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **306 kes** (0.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Ringkasan kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

No. Kematian	Kes No.	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital	Latar Belakang
305	44344	Sabah	Perempuan (WN)	78	Hospital Queen Elizabeth	Osteoarthritis
306	25300	Sabah	Lelaki (WN)	51	Hospital Queen Elizabeth	Penyakit darah tinggi, kencing manis dan penyakit buah pinggang kronik

*WN merujuk kepada warganegara

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

KLUSTER YANG DIISYTIHAR TAMAT

KKM ingin memaklumkan bahawa **dua (2)** kluster diisytiharkan tamat pada hari ini.

1. KLUSTER BAH LUNAS

Kluster ini melibatkan daerah Kulim dan Baling di negeri Kedah. Sehingga 14 November 2020, seramai 161 individu telah disaring di mana lima (5) kes dikesan positif COVID-19 manakala 156 individu lagi adalah negatif. Tiada kematian dilaporkan bagi kluster ini.

2. KLUSTER BAH BEMBAN

Kluster ini melibatkan daerah Dungun di negeri Terengganu dan daerah Kota Kinabalu di negeri Sabah. Sehingga 14 November 2020, seramai 222 individu telah disaring di mana 12 kes dikesan positif COVID-19 manakala 210 individu lagi adalah negatif. Tiada kematian dilaporkan bagi kluster ini.

EMPAT (4) KLUSTER BAHARU DILAPORKAN HARI INI

KKM ingin memaklumkan bahawa terdapat empat (4) kluster baharu telah dikenal pasti pada hari ini iaitu;

1. KLUSTER ISTIMEWA

Kluster baharu ini melibatkan daerah Sandakan di negeri Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-22026) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan kemasukan ke wad pada 20 Oktober 2020. Saringan kontak rapat

telah mengesan sebanyak 15 lagi kes positif COVID-19. Kesemua kes ini telah dimasukkan ke Hospital Duchess of Kent, Sandakan dan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah, Dewan Kompleks Sukan Sibuga, Sandakan.

Sehingga 14 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 54 individu telah disaring, di mana:

- 16 kes dikesan positif COVID-19 (**10 kes baharu**);
- 27 individu dikesan negatif; dan
- 11 individu masih menunggu keputusan.

2. KLUSTER ALILA

Kluster baharu ini melibatkan daerah Kota Kinabalu di negeri Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-23498) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 5 Oktober 2020. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak 22 lagi kes positif COVID-19. Kesemua kes ini telah dimasukkan ke Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah, Hospital Queen Elizabeth.

Sehingga 14 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 317 individu telah disaring, di mana:

- 23 kes dikesan positif COVID-19 (**2 kes baharu**); dan
- 294 individu masih menunggu keputusan.

3. KLUSTER ASSUMPTION

Kluster baharu ini melibatkan daerah Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Tengah di negeri Pulau Pinang serta daerah Kulim di negeri Kedah. Kes

indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-42773) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan sendiri pada 11 November 2020. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak sembilan (9) lagi kes positif COVID-19. Kesemua kes telah dimasukkan ke Hospital Pulau Pinang.

Sehingga 14 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 66 individu telah disaring, di mana:

- 10 kes dikesan positif COVID-19 (**6 kes baharu**); dan
- 56 individu masih menunggu keputusan.

4. KLUSTER RAJAWALI

Kluster baharu ini melibatkan daerah Timur Laut dan Barat Daya di negeri Pulau Pinang. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-39181) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan sendiri pada 6 November 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Pulau Pinang. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak sembilan (9) lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 14 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 90 individu telah disaring, di mana:

- 10 kes dikesan positif COVID-19 (**3 kes baharu**);
- 15 individu dikesan negatif; dan
- 65 individu masih menunggu keputusan.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan. Jadikanlah nasihat-nasihat ini satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak **sebang** atau bertutur dengan **jarak yang dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), memakai alat pelitup muka (*facemask*) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bergejala (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elakkan bersalaman / bersentuhan termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan cara kebiasaan bersalam;
 - Amalkan etika batuk dan bersin;
 - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
 - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
 - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);
- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter diamalkan pada setiap masa.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

14 November 2020 @ 5.30 petang.

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 14 NOVEMBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SABAH	391	22,714
SELANGOR	200 (1)	7,439
W.P. KUALA LUMPUR	13	3,501
NEGERI SEMBILAN	371	3,373
KEDAH	10	2,255
PULAU PINANG	34	1,586
W.P. LABUAN	8	1,147
SARAWAK	4 (1)	1,036
JOHOR	15	985
PERAK	53	748
PAHANG	0	395
MELAKA	6	365
TERENGGANU	0	225
KELANTAN	5	210
W.P. PUTRAJAYA	4	190
PERLIS	0	40
JUMLAH KESELURUHAN	1,114 (2)	46,209

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

**Status Terkini Kluster Aktif Yang Mencatat Kes Positif
(14 November 2020)**

Bil.	Kluster	Negeri	Daerah	Kes Baharu	Jumlah Kes	Jumlah Yang Disaring	Kes Aktif (Kes ICU)	Jumlah Sembuh	Jumlah Kematian
1	Cergas	Negeri Sembilan, Kelantan, Selangor	Seremban, Rembau, Port Dickson, Pasir Puteh, Klang	364	1,118	4,278	1,044 (0)	74	0
2	Teratai	Selangor	Klang, Kuala Selangor, Petaling, Hulu Langat	50	161	571	142 (0)	19	0
3	Tembok	Kedah, Perak	Kota Setar, Baling, Kuala Muda, Sungai Petani, Kubang Pasu, Padang Terap, Sik, Larut Matang & Selama	45	1,832	9,386	265 (1)	1,562	5

4	Hentian	Selangor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Negeri Sembilan	Hulu Langat, Petaling, Sepang, Klang, Gombak, Kuala Langat, Cheras, Titiwangsa, Putrajaya, Seremban	39	701	7,132	342 (1)	359	0
5	Perigi	Selangor	Klang	27	214	841	208 (0)	6	0
6	Samudera	Sabah	Sandakan	27	48	245	7 (0)	41	0
7	Padang	Johor	Kota Tinggi	15	31	1,050	31 (0)	0	0
8	Penjara Seberang Perai	Pulau Pinang	Seberang Perai Selatan	14	549	3,191	88 (0)	461	0
9	Karamunting	Sabah	Sandakan	13	65	74	52 (0)	13	0
10	Buntar	Kedah, Perak, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Johor, Selangor, Pulau Pinang	Kuala Muda, Kerian, Kinta, Larut Matang & Selama, Batang Padang, Hilir Perak, Kampar, Kepong, Putrajaya, Batu Pahat, Johor Bahru, Petaling,	10	96	1,527	44 (2)	52	0

**Sepang, Seberang
Perai Selatan**

11	Ria-30	Sabah	Tuaran	8	120	1,224	105 (0)	15	0
12	Liawan	Sabah	Keningau	7	42	122	42 (0)	0	0
13	Kaya	Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Melaka, Selangor, Johor	Seremban, Port Dickson, Kuala Pilah, Rembau, Lembah Pantai, Cheras, Kepong, Putrajaya, Melaka Tengah, Sepang, Klang, Kuala Langat, Kuala Selangor, Petaling, Hulu Langat, Kluang, Kota Tinggi	6	787	3,135	322 (2)	465	0
14	Berendam	Melaka, Johor	Alor Gajah, Melaka Tengah, Tangkak	6	35	2,404	34 (2)	1	0

15	Tapak Bina Damanlela	WP Kuala Lumpur, Selangor	Kepong, Titiwangsa, Lembah Pantai, Cheras, Gombak, Kuala Selangor, Petaling, Hulu Langat	5	287	2,369	284 (0)	3	0
16	Mesra	Sabah	Sandakan	5	171	198	66 (1)	104	1
17	Jambatan B	Sabah	Sandakan	5	58	201	32 (0)	25	1
18	Seri Terapi	WP Kuala Lumpur, Melaka, Selangor	Kepong, Lembah Pantai, Alor Gajah, Gombak, Petaling	5	28	485	27 (1)	1	0
19	Usaha	Selangor, WP Kuala Lumpur, Johor	Klang, Petaling, Kuala Langat, Kuala Selangor, Sepang, Titiwangsa, Lembah Pantai, Segamat	4	268	631	180 (0)	88	0

20	Intan	Pulau Pinang, Kedah	Timur Laut, Barat Daya, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, Kuala Muda	4	105	1,569	90 (1)	15	0
21	Mampulut	Sabah	Keningau	4	85	729	66 (0)	19	0
22	Seridana	WP Putrajaya	Putrajaya	4	20	122	9 (0)	11	0
23	Penjara Sandakan	Sabah	Sandakan	3	431	1,724	381 (1)	50	0
24	Bah Medan	Selangor	Sepang	3	48	454	11 (0)	37	0
25	Penjara Kepayan	Sabah	Kota Kinabalu, Papar, Penampang, Sipitang	2	1,844	3,970	191 (2)	1,653	0
26	Saguking	WP Labuan	Labuan	2	381	3,539	135 (0)	245	1
27	Rengas	Perak, Pulau Pinang, Kedah	Kuala Kangsar, Seberang Perai Selatan, Kulim	2	123	767	119 (1)	4	0
28	Jaya	Negeri Sembilan, Selangor	Seremban, Sepang	2	93	350	32 (0)	61	0

29	Titian	WP Labuan	Labuan	2	63	530	29 (0)	34	0
30	Bonggaya	Sabah	Sandakan	2	49	243	46 (0)	2	1
31	Jernih	Negeri Sembilan, Selangor	Seremban, Port Dickson, Sepang	2	38	137	20 (0)	18	0
32	Utama	Selangor, Melaka, WP Kuala Lumpur	Gombak, Hulu Langat, Petaling, Kuala Selangor, Sepang, Alor Gajah, Lembah Pantai, Titiwangsa, Kepong, Cheras	1	271	1,227	37 (0)	234	0
33	Basung	Sabah	Kudat	1	93	700	19 (0)	74	0
34	Tanamera	Sabah	Tawau, Tuaran	1	82	160	47 (0)	35	0
35	Jalan Bomba	Sabah	Sandakan	1	62	337	7 (0)	53	2
36	Limbungan	WP Labuan	Labuan	1	54	383	19 (0)	35	0
37	GK Tawau	Sabah	Tawau	1	51	168	20 (0)	31	0

38	Bina Labuan	WP Labuan	Labuan	1	50	214	27 (0)	22	1
39	Wisma Saberkas	Sarawak	Kuching	1	43	1,245	31 (0)	12	0
40	Nahaba	Sabah	Kota Belud	1	34	656	34 (0)	0	0
41	Sauh	Sabah, Sarawak	Kota Kinabalu, Tawau, Semporna, Papar, Miri, Daro	1	34	403	7 (0)	27	0
42	Tatahan	Sabah	Kota Kinabalu	1	21	33	16 (0)	4	1
43	Kube	Kelantan	Kota Bharu, Tanah Merah	1	17	630	17 (0)	0	0
44	Abell	Sarawak	Kuching	1	15	70	15 (0)	0	0